



KENYATAAN MEDIA:

IMPAK COVID 19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KE ATAS PERKEMBANGAN KANAK-KANAK DALAM TAHUN FORMATIF DAN INDUSTRI PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Majlis Pengasuhan Kanak-kanak Malaysia (ECCE) merupakan satu badan profesional yang ditubuhkan untuk memprofesionalkan industri pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, majlis ini mengambil berat tentang impak COVID 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan ke atas perkembangan kanak-kanak serta kesejahteraan industri pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam menangani pandemik ini, Kerajaan telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dipanjangkan sehingga 14 April. PKP dikeluarkan untuk melindungi individu daripada jangkitan COVID 19 serta membendung penyebaran virus tersebut. Semua perkhidmatan yang disenaraikan sebagai perkhidmatan yang tidak perlu termasuk taman asuhan kanak-kanak (TASKA), dan prasekolah (TADIKA) perlu ditutup.

Meskipun penting untuk menutup pusat asuhan dan prasekolah agar anak-anak tidak terdedah kepada risiko dijangkiti, namun terdapat beberapa isu berbangkit disebabkan penutupan ini.

1. Perkembangan Kanak-kanak

Pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah menguruskan kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan mereka dan perkembangan otak adalah yang paling pantas berkembang pada peringkat ini. Oleh itu, kekurangan aktiviti pusat/prasekolah selama 4 minggu atau mungkin lebih akan mempengaruhi perkembangan otak dan seterusnya perkembangan kanak-kanak.

Beberapa pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah meneruskan program mereka melalui aplikasi dalam talian (seperti internet, WhatsApp dan aplikasi digital yang lain). Inisiatif ini amat penting kerana ia bukan sahaja memberi pengalaman kepada pertumbuhan dan perkembangan anak, malah ia juga memperkuuh ikatan antara anak dan ibu bapa/penjaga. Semasa PKP, anak-anak tidak dibenarkan untuk keluar dari rumah.

Jadi, diharapkan program e-pembelajaran ini melibatkan juga aktiviti fizikal yang tidak kurang penting bagi perkembangan otak.

Terdapat banyak bahan dalam talian untuk kanak-kanak yang mudah diakses melalui internet bagi membantu pusat asuhan kanak-kanak atau prasekolah yang tidak menyediakan perkhidmatan dalam talian. Laman sesawang Facebook Majlis Pengasuhan Kanak-kanak Malaysia (ECCE) telah memberikan cadangan aktiviti yang mudah dilaksanakan di rumah serta menyenaraikan sumber yang boleh diakses oleh ibu bapa, pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah.

2. Pembayaran Gaji Kakitangan

Di bawah Akta dan Undang-undang Pekerjaan Malaysia, majikan perlu membayar gaji sepenuhnya kepada kakitangan kerana mereka dikehendaki untuk tidak berada di tempat kerja sepanjang tempoh PKP. Kakitangan ini bekerja dari rumah dan bukan bercuti. Oleh itu, pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah adalah dinasihatkan untuk meneruskan program mereka – secara tidak bersemuka tetapi menggunakan teknologi terkini.

3. Pembayaran Yuran

Salah satu masalah yang dihadapi oleh industri pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak ialah persoalan tentang pembayaran yuran kepada pusat asuhan kanak-kanak/prasekolah sepanjang tempoh PKP. Walaupun majikan perlu membayar kakitangan mereka, namun ibu bapa tidak diwajibkan untuk membayar yuran pusat/prasekolah. Walau bagaimanapun, Majlis Pengasuhan Kanak-kanak Malaysia ingin menggesa ibu bapa untuk membantu pusat/prasekolah mereka mengekalkan operasi dalam tempoh ini dengan membayar yuran bulanan, terutama ibu bapa yang menerima gaji semasa bekerja di rumah.

Pada hakikatnya, pusat-pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah yang menyediakan perkhidmatan dalam talian tetap meneruskan program pendidikan mereka walaupun tanpa interaksi secara bersemuka. Majlis menyedari bahawa tidak semua rumah mempunyai kemudahan internet, namun cadangan aktiviti dan cara melaksanakannya masih boleh dihantar melalui telefon bimbit. Pusat asuhan kanak-kanak dan pengendali prasekolah juga sangat digalakkan menggunakan platform pembelajaran dalam talian untuk menyediakan pembelajaran yang berterusan kepada anak-anak di rumah.

Kanak-kanak, ibu bapa, majikan pusat/prasekolah, dan guru-guru merupakan golongan yang terkesan dengan situasi semasa. Jadi, Majlis berharap semua pihak yang terlibat dapat mengamalkan sikap bertimbang rasa ini.

4. Pusat Asuhan Kanak-kanak dan Prasekolah bagi Petugas Barisan Hadapan

Sekiranya anda sebagai ibu bapa memerlukan bantuan dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak di luar rumah, sila hubungi pejabat JKM yang terdekat. Mereka akan menyediakan maklumat tentang perkhidmatan penjagaan anak yang selamat dan alternatif.

5. Bantuan Kerajaan

Seperti industri PKS yang lain, Industri ECCE juga ingin menjadi sebahagian daripada pakej ransangan ekonomi bagi membantu terutamanya ibu bapa dalam golongan B40 dan M40 yang mungkin mengalami kesulitan membayar yuran bulanan pusat asuhan kanak-kanak atau prasekolah.

ECCE adalah industri kritikal; ia memerlukan lebih banyak bantuan dalam tempoh 6 bulan akan datang untuk meningkatkan industri, serta membantu ibu bapa yang kembali bekerja. Ekonomi akan memerlukan lebih banyak orang untuk kembali bekerja dalam masa terdekat. Ini bermaksud, masa ibu bapa di rumah akan berkurangan dan perkhidmatan pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah diperlukan. Pengurangan cukai, terutama selama 6 bulan, bagi kesemua pusat asuhan kanak-kanak swasta dan prasekolah sangat membantu kerana sesetengah ibu bapa mungkin tidak dapat membayar yuran semasa tempoh PKP atau juga selepas tempoh itu.

Majlis telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjalankan kajian tinjauan KPM kepada ahli majlis, pusat asuhan kanak-kanak, prasekolah dan ibu bapa: kaji selidik KPM adalah mengenai kesediaan pelajar untuk pembelajaran dalam talian. Majlis ingin mencadangkan kepada KPM untuk menjadualkan kembali kalender akademik selepas PKP tamat seperti memendekkan cuti sekolah dan memanjangkan hari persekolahan, termasuk prasekolah bagi menampung pembelajaran yang tidak dapat dilaksanakan semasa PKP.

Majlis juga turut memerhatikan impak PKP terhadap kanak-kanak dan keluarga mereka serta impaknya terhadap industri ECCE supaya perkara-perkara yang dinyatakan dapat dibangkitkan oleh kementerian yang berkaitan.

Disediakan bagi Pihak Majlis ECCE
oleh

Datuk Dr. Chiam Heng Keng
Pengerusi
Majlis ECE